

CNS9139

U GB 28-05 00149 BH066

BAH

Mahathir - Inflasi

TINGKATKAN PRODUKTIVITI UNTUK KAWAL INFLASI

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Rakyat perlu mempertingkatkan produktiviti seiring dengan kenaikan pendapatan bagi memastikan inflasi dapat dikawal, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jika gaji naik tetapi pengeluaran masih di tahap lama maka ini akan menyebabkan inflasi berlaku.

"Contohnya, kalau dengan bayaran RM100 kita dapat keluar sepuluh keping barang dan jika diberi gaji RM200 kita masih keluar sepuluh keping barang, ini bermakna harga barang sepuluh keping itu sudah meningkat dua kali ganda jadi kita kena jual dengan harga yang mahal," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat keempat Majlis Perdagangan Malaysia, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, adalah lebih baik jika jumlah barangan yang dikeluarkan itu lebih banyak daripada peratus kenaikan pendapatan. Dengan ini inflasi dapat dikawal bahkan dapat diturunkan. -- Lagi.

▼28/05/21-11MST

CNS9141

U-GB 28-05 00129 BH067

BAH

Mahathir - Inflasi 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, untuk itu adalah penting bagi upah dinaikan bersama-sama dengan kenaikan produktiviti.

"Di samping itu, jarak upah antara pekerja dengan golongan eksekutif tidak harus menjadi terlalu luas dan eksekutif pula tidak harus menaikkan gaji dan faedah-faedah lain mereka tanpa mengambil kira keperluan mengawal inflasi," tambahnya.

Beliau juga berkata, masyarakat harus sedar bahawa yang penting bukannya jumlah pendapatan kerana yang lebih penting ialah kuasa membeli dengan duit yang sedia ada.

Walaupun pendapatan ditambah tetapi harga barangan naik, seseorang itu tidak akan dapat membeli lebih banyak, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, sasaran kerajaan ialah untuk mencapai suatu keadaan tanpa inflasi langsung tetapi walaupun sukar untuk mencapainya, kerajaan akan terus berusaha. -- Lagi.

▼28/05/21-13MST

CNS9142

U GB 28-05 00086 BH068

BAH

Mahathir - Inflasi 3 Kuala Lumpur

"Kita tahu sedikit sebanyak cara-cara mengawal inflasi dan antaranya ialah masyarakat negara ini mesti faham akan sebab-sebab inflasi berlaku," katanya.

Beliau berkata, rakyat harus sedar akan pentingnya peranan yang dimainkan mereka bagi mengawal inflasi dan kerajaan juga akan mengambil tindakan yang diperlukan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji dan mengambil tindakan ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam lima kertas kerja yang dibentangkan pada mesyuarat majlis itu. -- Bernama.

HK KAM.

▼28/05/21-21MST